

Subsidi bersasar bakal jejas pola belanja M40

SHAH ALAM - Golongan T20 dan M40 digesa untuk lebih cakna mengenai perbezaan antara keperluan dan kemahuan sekiranya mahu mengawal perbelanjaan selepas penarikan subsidi.

Bagaimanapun, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Khair Afham Muhamad Senan berkata, situasi tersebut akan memberi impak kepada beberapa sektor utama negara seperti pelancongan dan peruncitan barang mewah.

"Golongan M40 dan T20 telah bekerja keras untuk memperoleh hasil pendapatan mereka dan tidak sepatutnya mengawal perbelanjaan hanya disebabkan penarikan subsidi.

"Tindakan tersebut akan mengurangkan motivasi golongan berkenaan untuk bekerja keras dan mengakibatkan produktiviti negara menurun. Ini juga disebabkan

ketidakadilan yang dihadapi oleh golongan M40 sekiranya dilaksanakan," katanya.

Sebelum ini, Pengarah Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (MINDA-UKM), Profesor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan dasar fiskal berhemah, ada kemungkinan sesetengah kumpulan rakyat akan hilang kelayakan daripada menerima bantuan kerajaan.

Menurut beliau, situasi itu boleh berlaku sejurus data yang lebih lengkap dan semasa dijana melalui sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Mengulas lanjut, Mohamad Khair Afham berkata, hasil yang mereka peroleh daripada usaha keras perlu digunakan untuk membayar lebih berbanding pihak yang mendapat subsidi walaupun jurang pendapatan tidak terlalu besar.

"Kerajaan disaran agar tidak terlalu me-lulu dalam melaksanakan penarikan subsi-di, sebaliknya lakukan kajian lebih men-dalam untuk mengenalpasti pihak yang tidak akan terkesan selepas penarikan subsidi," katanya.

Tambah beliau, dasar fiskal berhemah yang dilaksanakan kerajaan itu dijangka memberi kesan terhadap pola perbelanja-an golongan M40 sekiranya terpaksa menghadapi kelangsungan hidup tanpa subsidi.

"Jika subsidi M40 ditarik, sebahagian besar akan berdepan dengan impak besar sekali gus mengganggu pola perbelanjaan yang menjadi pemacu ekonomi negara.

"Bagi T20 mereka mungkin mampu mendepani kelangsungan selepas penarikan subsidi kerana pendapatan mereka mencukupi untuk menampung perbelanjaan selepas penarikan subsidi," katanya.